

25 MAY 2000

Mahathir-Cukai

CUKAI LEBIH, JIKA TANAH TIDAK DIGUNA SECARA OPTIMUM, KATA DR MAHATHIR

BANGI, 25 Mei (Bernama) -- Kerajaan mungkin mengenakan bayaran cukai yang lebih terhadap pengusaha ladang yang tidak menggunakan tanah mereka secara optimum, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Kalau mereka menggunakan tanah mereka secara optimum, contohnya, mereka bukan sahaja tanam kelapa sawit tapi juga menternak lembu, kita mungkin bagi sesuatu kepada mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Penyelarasan Sektor Awam-Swasta dalam sektor pertanian, di sini.

Mesyuarat itu dihadiri beberapa menteri Kabinet, menteri besar dan ketua menteri, wakil agensi-agensi sektor pertanian serta wakil persatuan-persatuan pertanian, perikanan dan ternakan.

Dr Mahathir berkata: "Dari perbincangan tadi, kita nampak jelas banyak sekali peluang-peluang dalam bidang pertanian yang boleh memberikan pendapatan yang jauh lebih tinggi daripada hanya menanam kelapa sawit dan getah."

Menurut beliau, bidang pertanian sememangnya mempunyai potensi yang besar untuk dimajukan bagi membolehkan Malaysia mengeluarkan barangan makanan yang mencukupi selain daripada menjadi pengeksport barangan berkenaan.

Dr Mahathir berkata selain mengembangkan sektor pertanian untuk keperluan makanan, antara aspek lain yang boleh membawa pulangan lumayan ialah penanaman bunga-bunga dan ternakan ikan hiasan.

Katanya usaha juga sedang dibuat bagi memperkenalkan konsep ladang campuran dan tanaman berganti di negara ini.

Menurutnya Kementerian Pertanian telah menyediakan pelbagai rancangan untuk meningkatkan prestasi bidang pertanian selaras dengan hasrat kerajaan menjadikannya wawasan negara seterusnya.

"Kita telah diberi taklimat, kita telah meluluskannya dan kita juga bersetuju memberikan bekalan wang yang cukup untuk Kementerian Pertanian. Saya yakin kita akan memulakan langkah tidak lama lagi," katanya.

Katanya penyertaan peringkat tertinggi kerajaan dan swasta pada mesyuarat hari ini jelas menunjukkan bahawa kerajaan serius dalam komitmennya mengembangkan sektor pertanian.

Menjawab satu pertanyaan, Dr Mahathir berkata soal tanah, yang terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, memanglah satu hal yang rumit kerana ia melibatkan kepentingan yang pelbagai.

"Namun begitu, kalau ada kerjasama dan usaha semua pihak, kerajaan negeri terutamanya, saya yakin kita dapat menyelesaikannya dan dengan ini pembangunan ekonomi negara kita akan menjadi lebih cepat," katanya.

Beliau mengakui bahawa kerajaan sedikit kluatir dengan situasi pertukaran tanah daripada status pertanian menjadi status industri atau perumahan yang terlalu cepat.

Bagaimanapun Dr Mahathir berkata kerajaan sedar bahawa keperluan perumahan dan industri juga perlu dilayan.

Perdana Menteri juga yakin negeri-negeri akan memberikan kerjasama yang baik dan komitmen dalam menyediakan tanah untuk dimajukan dalam sektor pertanian.

"Negeri-negeri dengan tanah yang luas seperti Johor dan Pahang, mereka mudah buat komitmen. Saya yakin negeri lain juga akan memberikan kawasan dengan keluasan mencukupi mengikut keperluan."

"Ini kerana ada jenis pertanian yang tidak memerlukan tanah yang luas tetapi pendapatannya amat menggalakkan," katanya.

Menyentuh usaha mengurangkan import barang makanan, Perdana Menteri berkata ia perlu dibuat memandangkan jumlah import bahan berkenaan adalah besar dan makanan turut menyumbang kepada kenaikan kos sara hidup penduduk di negara ini.

-- BERNAMA

MAM AHH RON